

0301

B B671 DEB

MAHATHIR-SIKAP

LUNDU (BAHAGIAN PERTAMA SARAWAK), 11 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENASIHATI RAKYAT SUPAYA MENGUBAH SIKAP DAN TIDAK MENGASINGKAN DIRI SEKIRANYA MEREKA INGIN MAJU.

BELIAU BERKATA SEMENTARA KERAJAAN BOLEH MEMBERI MODAL DAN PELBAGAI KEMUDAHAN YANG LAIN, RAKYAT HARUSLAH BEKERJA KERAS UNTUK MENDAPATKAN HASIL BUMI NEGARA YANG KAYA INI.

PERDANA MENTERI BERUCAP DEMIKIAN KETIKA MELANCARKAN SKIM PERTAMA FELDA DI SARAWAK DI KAMPUNG SINIBUNG, KIRA-KIRA LAPAN KILOMETER DARI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, SIKAP RAKYAT YANG MENGGUNAKAN CARA DAN CORAK KERJA LAMA MESTILAH DIUBAH SEKIRANYA MEREKA INGIN MENANDINGI KEJAYAAN GOLONGAN-GOLONGAN YANG LAIN.

SEKIRANYA CARA LAMA MASIH DIKEKALKAN SUDAH PASTI RAKYAT TETAP AKAN MISKIN DAN OLEH ITU CARA BEKERJA MENGGUNAKAN PELBAGAI KAEDAH DAN PERALATAN MODEN MESTILAH DIJALANKAN, JELAS BELIAU.

MENURUT PERDANA MENTERI, PERUBAHAN SENTIASA BERLAKU SETIAP MASA SAMA ADA DI KAWASAN TERPENCIL ATAU DI BANDAR-BANDAR DAN YANG PERLU DILAKUKAN IALAH +MENYESUAIKAN DIRI+ DENGAN PELBAGAI SITUASI DAN KEADAAN SEKITAR ATAU SETEMPAT. -- LAGI.

1910MST 11 04 86

B B672 DEB

MAHATHIR-SIKAP 2 LUNDU

PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA SIKAP MENGASINGKAN DIRI HANYA AKAN MEMBAWA KEMUNDURUAN DAN TIDAK MEMBERI FAEDAH SERTA HANYA MELEMAHKAN SEMANGAT UNTUK MAJU.

+TIDAK ADA SESUATU YANG TIDAK DAPAT DIBUAT OLEH RAKYAT OLEH MEREKA YANG BERSIKAP DEMIKIAN KECUALI YANG BERSEMANGAT KENTAL UNTUK TERUS MAJU DAN BERSAING DENGAN BANGSA-BANGSA LAIN,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BUMI SUBUR DI SARAWAK MESTILAH DIUSAHAKAN DENGAN CARA SEBAIK MUNGKIN SERTA BERAZAM MENDAPATKAN HASIL YANG SEPENUHNYA.

BELIAU BERHARAP SKIM FELDA ITU DAPAT BERJALAN DENGAN LICIN BERSENJATAKAN SEMANGAT +BEKERJA KERAS+ SEHINGGA SELURUH PESERTA YANG TERLIBAT DAPAT MENIKMATI HASILNYA DENGAN SEBAIK MUNGKIN.

+SAYA YAKIN SEKIRANYA PARA PESERTA YANG TERLIBAT SANGGUP MENGUBAH SIKAP DAN SENTIASA MENGIKUTI NASIHAT SERTA PANDANGAN MEREKA YANG PAKAR DALAM BIDANG ITU, SUDAH PASTI MEREKA DAPAT MENCAPAI HASRAT YANG DICITA-CITAKAN BERSAMA ITU,+ TAMBAH BELIAU. -- LAGI.

1912MST 11 04 86

B 8673 DEB

MAHATHIR-SIKAP 3 LUNDU

SEBELUM ITU, KETUA MENTERI DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD BERKATA, SKIM FELDA ITU DIHARAPKAN DAPAT MENGGELAKKAN PERTAMBAHAN PENGGANGURAN DAN MASALAH PENGHIJRAHAN MASYARAKAT DARI KAMPUNG KE BANDAR.

+SELAIN ITU SKIM INI DIHARAPKAN DAPAT MEMBUKA MATA RAKYAT KEPADA KONSEP POLITIK PEMBANGUNAN SEBENARNYA YANG DIHASRATKAN OLEH KERAJAAN NEGERI PADA HARI INI,+ KATANYA.

MENURUT BELIAU, SKIM PERTAMA FELDA MERUPAKAN SALAH SATU DARIPADA STRATEGI PEMBANGUNAN KE ARAH YANG LEBIH PRODUKTIF.

FELDA AKAN MEMPELOPORI PEMBANGUNAN SKIM INI DENGAN MEMAJUKAN TANAH KERAJAAN SELUAS 2,000 HEKTAR DALAM FASA PERTAMA.

PASA KEDUA AKAN MELIBATKAN PEMBUKAAN 10,000 HEKTAR DI KAWASAN YANG BERHAMPIRAN.

PEMBANGUNAN TANAH FELDA DI KAWASAN INI MEMBERI FAEDAH SECARA LANGSUNG KEPADA 12 KAMPUNG SEKITARNYA. -- BERNAMA.

1916MST 11 04 86